

20 FEB 1999

Musa-Mahathir

MAHATHIR AKAN TERUS TERAJUI NEGARA SELAGI DITERIMA UMNO, KATA MUSA

BANGI, 20 Feb (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam hari ini berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan kekal menerajui negara selagi beliau terus diterima Umno.

"Jadi berasaskan kepada fahaman saya, selagi Umno menerima Dr Mahathir dan selagi Umno menang dalam pilihan raya umum dan merupakan parti majoriti dalam Parlimen, selagi itulah Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri," kata beliau.

Musa berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peserta pidato umum di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini. Pidato itu bertemakan "Malaysia dalam Era Globalisasi: Suatu Pandangan Bekas Seorang Timbalan Perdana Menteri," anjuran Kelab Pemidato UKM.

Dalam konteks ini Musa berkata, politik negara masih berteraskan Umno dan Melayu yang berasaskan kedudukan Umno sebagai parti terbesar dan menguasai Parlimen.

Sebagai presiden Umno dan ketua parti terbesar di Parlimen dan parti itu sendiri menawarkan ketua mereka sebagai Perdana Menteri, orang itulah yang ditunjukkan sebagai Perdana Menteri, katanya.

Musa juga berkata satu kelebihan utama Dr Mahathir ialah beliau (Dr Mahathir) yakin penuh kepada apa yang dibuatnya.

"Dr Mahathir amat berkeyakinan atas diri sendiri dan atas apa yang dia buat. Ini merupakan sifat keperibadiannya," katanya.

Beliau memberikan contoh keprihatinan Dr Mahathir bagi memastikan perkara kecilpun dilakukan dengan sempurna seperti memastikan lampu jalan diletakkan dengan baik dan Musa berkata ini menunjukkan Perdana Menteri seorang yang mempunyai idea luar biasa.

"Saya tak pasti orang lain begitu pintar dalam pelbagai perkara," katanya.

Musa berkata berpanduan kepada sistem sekarang, adalah wajar untuk menyerahkan kepada anggota parti dan masyarakat umum yang mempunyai kuasa mengundi bagi menentukan perjalanan negara ini.

"Undi itu masih rahsia. Banyak orang yang menentang kerajaan dan parti yang menentang kerajaan pun terpilih. Tapi jangan lupa, mengikut demokrasi, majoriti satu masih merupakan majoriti," katanya.

Musa turut mengingatkan bahawa sistem politik yang berasaskan kepada memberi kesetiaan terhadap sesuatu personaliti dan bukannya berasaskan perkhidmatan kepada masyarakat, akan membawa kesan buruk.

"Kepada saya keadaan akan menjadi lebih buruk selagi sistem politik kita, lebih-lebih lagi dalam parti yang memerintah mengutamakan apa yang saya kenalpasti sebagai kesetiaan kepada personaliti dan bukannya berasaskan perkhidmatan kepada masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

RV RON